

Headline	TEMBAT, PUAH HARGAI ALAM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Setempat	Page No	30,31
ArticleSize	879 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 103,485		



TEMBAT, PUAH HARGAI ALAM

Apabila empangan baru Tembat dan Puah mula menjana tenaga elektrik pada bulan depan, Tasik Kenyir akan maju selangkah lagi sebagai pelopor utama dalam penjana tenaga elektrik hijau di negara ini.

Bersama dua empangan baru itu, Tasik Kenyir tasik buatan manusia seluas 260,000 hektar di Hulu Terengganu akan menyalurkan tambahan 265 megawatt (MW) tenaga elektrik kepada grid nasional.

Sebelum ini Stesen Hidroelektrik Sultan Mahmud di Empangan Kenyir menjana 165MW. Ketiga-tiga empangan itu bakal meningkatkan kapasiti penjana tenaga elektrik di Tasik Kenyir hingga 600 MW, sekali gus memastikan bekalan mampan tenaga bagi negara.

Dibina menggunakan teknologi dari Perancis, Jerman dan Switzerland dengan kos keseluruhan RM2.3 bilion, empangan Tembat dan Puah adalah jenis empangan bertingkat.

Kedua-dua empangan baru ini akan membantu negara meningkatkan penjana tenaga hijau dan mengurangkan pergantungan kepada bahan bakar fosil, termasuk

arang batu.

Ini juga bermakna negara boleh menjana tenaga elektrik dengan murah dan tidak lagi perlu bergantung kepada bahan api fosil dan arang batu yang harganya sentiasa turun naik.

Selain itu, empangan hidroelektrik ini memberi jaminan tambahan kepada bekalan elektrik grid nasional sekiranya berlaku gangguan kepada stesen jana elektrik yang lain.

Pembinaan empangan Tembat dan Puah turut menambah keluasan Tasik Kenyir sebanyak 7,180 hektar lagi mewakili satu perenam daripada keluasan Tasik Kenyir. Kedua-dua empangan baru ini juga meningkatkan fungsi Tasik Kenyir sebagai sistem tebatan banjir bagi hilir Sungai Kenyir, terutama ketika musim tengkujuh.

Sebagai tasik buatan manusia paling luas di Asia Tenggara, Tasik Kenyir mampu menampung lebih air sekiranya berlaku hujan lebat di hulu sungai.

Satu lagi fungsi unik Tasik Kenyir yang kurang diketahui umum ialah peranannya dalam menghalang kemasukan air masin ke Sungai Terengganu ketika fenomena air pa-

sang besar, sekali gus memastikan sumber air bersih di Terengganu terjamin.

Pengurus Besar Bahagian Penjana Stesen Tenaga Hidroelektrik Kenyir, Mustafa Hashim berkata, ketika fenomena air pasang besar, TNB akan melepaskan sehingga

400 meter padu air sesaat berbanding purata 180 meter padu sesaat pada waktu biasa. Ini menolak air masin daripada memasuki jauh ke hulu Sungai Terengganu.

Katanya, TNB juga membelanjakan sebanyak RM10 juta bagi menjalankan pelbagai kajian berkaitan pembinaan kedua-dua empangan berkenaan. Ia sebahagian daripada usaha meminimumkan kerosakan alam sekitar akibat pembinaan empangan berkenaan.

Antara kajian yang dijalankan adalah keadaan muka bumi, tanah dan jumlah aliran air yang boleh ditakung bagi membolehkan penjana tenaga elektrik optimum.

"Selain itu, kajian dijalankan terhadap kesan pada flora dan fauna serta pemuliharaan alam sekitar," katanya kepada pemberita ketika lawatan ke projek itu, di sini, baru-baru ini.

Mustafa berkata, TNB turut

bekerjasama dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Pejabat Menteri Besar Terengganu dan Pejabat Daerah Hulu Terengganu bagi menjalankan program penanaman semula pokok atau lebih dikenali sebagai program 'Tree for a Tree'.

Melalui program berkenaan katanya, sebanyak 10,000 pokok akan ditanam di seluruh negeri Terengganu sebagai sebahagian daripada usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB.

"Usaha CSR seperti inilah yang membolehkan TNB meraih pingat emas pada Majlis Anugerah CSR Global yang diadakan di Bali, Indonesia, baru-baru ini," katanya.

Diwujudkan pada 1985, Tasik Kenyir menjadikan Terengganu sebagai satu daripada negeri penjana utama tenaga elektrik di negara ini. Selain itu, ia mewujudkan peluang ekonomi baharu untuk masyarakat setempat antaranya perikanan air tawar serta pelancongan eko.

Kini dengan terbinanya empangan Tembat dan Puah, TNB semakin menyerlah sebagai gergasi utiliti dan peneraju dalam penjana tenaga elektrik hijau di negara ini. - BERNAMA

Headline	TEMBAT, PUAH HARGAI ALAM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Setempat	Page No	30,31
ArticleSize	879 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 103,485		

